

Meritokrasi buka peluang kepada yang terbaik

UR 1/6.3.12011 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

PENGUASAAN jumlah wanita berbanding lelaki di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sememangnya begitu sinonim dengan keadaan di hampir semua IPT di negara ini.

Ada yang mengatakan, pelaksanaan sistem meritokrasi sebagai salah satu punca yang menyebabkan kelebihan pelajar wanita atau lebih tepat lagi dominasi wanita di IPT.

Adakah ini membawa maksud, pelaksanaannya

akan memberi kesan terhadap pembangunan sosial bagi pelajar lelaki dan peluang pekerjaan lebih banyak ditawarkan kepada golongan wanita?

Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Mejar (K) Abdullah Mohd Said berpendapat, sistem meritokrasi adalah

satu prinsip pendidikan yang baik yang mana ia memberi peluang kepada pelajar terbaik untuk melanjutkan pelajaran ke IPT.

Menurutnya, sepatutnya pelajar yang berkelayakan diberi keutamaan untuk mereka menimba ilmu



ABDULLAH

di IPT berbanding mereka yang kurang berkelayakan. Namun, ini

tidak bermakna, golongan yang tidak layak itu tidak mempunyai peluang untuk merasai pengalaman belajar di IPT.

“Pengambilan pelajar ke IPT bukan sistem meritokrasi yang menentukan dan di Malaysia ini ia bergantung kepada permohonan yang diterima,” katanya ketika dihubungi *Utusan Borneo* Isnin lepas.

Jelasnya, setiap tahun lebih kurang 120,000 permohonan untuk memasuki IPT diterima dan daripada jumlah itu, hanya 50,000 sekurang-kurangnya yang berjaya

diterima masuk.

Beliau berkata, kebanyakannya mereka yang memohon adalah dari kalangan wanita dan kebiasaannya, mereka jugalah yang terbaik dan layak untuk diterima masuk.

Justeru katanya, ini secara jelas menjadi bukti kenapa golongan wanita lebih ramai berbanding lelaki di IPT.

“Sebenarnya fenomena wanita mendominasi di IPT ini kita boleh lihat bermula daripada pendidikan awal lagi iaitu sejak dari sekolah rendah lagi yang mana selalunya

pelajar perempuan akan dilihat lebih menonjol dan ramai berbanding lelaki,” katanya.

Namun begitu katanya, ia bukan hanya berlaku di negara ini sahaja kerana keadaan di negara lain juga sama iaitu wanita lebih mendominasi IPT.

Mengambil pengalaman semasa lawatan ke Universiti Teknikal di Australia, Abdullah menjelaskan, situasi di sana agak berbeza kerana bilangan lelaki dan wanita adalah seimbang.

Ini mungkin disebabkan oleh bidang yang ditawarkan oleh universiti

terbabit yang mana kemahiran dan teknikal menjadi keutamaan dan kita melihat lelaki lebih cenderung dengan bidang terbabit.

Selain itu, sebagai contoh katanya, dalam bidang sastera, sememangnya sangat ramai yang memohon untuk bidang itu dan ini menyebabkan pihak universiti terpaksa memilih mereka yang layak dan terbaik.

“Daripada situasi itulah kita mendapati, selalunya mereka yang terbaik dan berkelayakan itu adalah dari kalangan wanita,” jelasnya.